

## WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

### Ringkasan

Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 (Sabtu) dan merupakan hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021 sehingga 2030. WKB 2030 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa;

2. Matlamat utama WKB 2030 adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030;

3. Tiga (3) objektif WKB 2030 adalah:

3.1 **Pembangunan Untuk Semua** – menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat;

3.2 **Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan** – menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan; dan

3.3 **Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah** – menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.